

LAPORAN TAHUNAN BERAKHIR 31 OKTOBER 2025



ف ت ب يونيت ترست برحد
PTB UNIT TRUST BERHAD

(No. Syarikat : 199401024477(310155-K)
(Pengurus ASDI-Amanah Saham Darul Iman)
(Subsidiari milik penuh Permodalan Terengganu Berhad)
www.putbasdi.com
E-mel: putb@ptbgroup.com.my



HAK KITA • NIKMATI BERSAMA

Kandungan

Maklumat Tabung	2
Prestasi Tabung	3
Laporan Pengurus	5
Penyata Pengurus	12
Penyata Jawatankuasa Syariah	13
Laporan Pemegang Amanah	14
Laporan juruaudit bebas kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman	15
Penyata kedudukan kewangan	19
Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain	20
Penyata perubahan dalam nilai aset bersih	21
Penyata aliran tunai	22
Nota-nota kepada penyata kewangan	23
Maklumat Korporat	46

» MAKLUMAT TABUNG

Nama Tabung

Amanah Saham Darul Iman (ASDI).

Jenis Tabung

Tabung pendapatan dan pertumbuhan modal.

Kategori Tabung

Tabung ekuiti berteraskan syariah.

Objektif Pelaburan Tabung

Objektif pelaburan Tabung mestilah bermatlamat untuk memberi pemegang-pemegang unit suatu tahap pendapatan yang menarik dan berterusan, serta peningkatan modal menerusi pelaburan berisiko munasabah yang dilaksanakan mengikut Surat ikatan, Garis Panduan, Akta dan undang-undang sekuriti di dalam sekuriti-sekuriti di pasaran tempatan dan asing yang memenuhi prinsip-prinsip Syariah.

Tanda Aras Prestasi Tabung

Indeks FBM EMAS Shariah Bursa Malaysia (FBM Shariah) dipilih sebagai penanda aras bagi ASDI memandangkan ia adalah indeks perwajaran permodalan saham-saham patuh Syariah di Bursa Malaysia.

Polisi Pengagihan Pendapatan

Pada akhir setiap Jangka Masa Terakru Tabung, pengagihan pendapatan (jika ada) diagih dalam bentuk tunai dan/atau mewujudkan unit-unit tambahan (jika ada).

Statistik Pemegang Unit Pada 31 Okt 2025

Jumlah pemegang unit adalah sebanyak 19,513 dengan pemegang unit individu seramai 19,405 orang manakala bakinya 108 adalah pelabur institusi. Penyertaan pemegang unit mengikut klasifikasi saiz pegangan adalah seperti berikut:-

Klasifikasi Saiz Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Peratus (%) Pemegang Unit	Jumlah Unit (Juta)
5,000 dan ke bawah	17,374	89.04	16.04
5,001 – 10,000	1,083	5.55	7.78
10,001 – 50,000	978	5.01	17.91
50,001 – 500,000	69	0.35	8.80
500,001 dan ke atas	9	0.05	434.54
Jumlah	19,513	100.00	485.07

Nota: Unit tidak termasuk stok yang dipegang oleh Pengurus berjumlah 556 unit.



►► PRESTASI TABUNG

Maklumat portfolio bagi 3 tahun kewangan berakhir pada 31 Okt

Sektor	2025	2024	2023
Peratus atas nilai aset bersih			
Pelaburan dalam pasaran ekuiti			
Telekomunikasi & Media	14.79	15.88	10.90
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	10.98	5.56	7.88
Barangan Industri & Perkhidmatan	9.88	10.24	2.00
Perladangan	6.73	7.50	1.68
Tenaga	6.31	6.72	6.08
Hartanah	5.59	3.71	6.81
REIT	4.12	4.94	4.58
Teknologi	3.90	3.93	1.80
Perkhidmatan Kewangan	3.60	1.34	5.18
Pembinaan	3.55	4.24	12.19
Pengangkutan & Logistik	2.80	2.15	4.31
Penjagaan Kesihatan	1.54	1.25	1.66
Utiliti	1.21	2.73	9.49
Tunai	25.00	29.81	25.44
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Lain-lain maklumat prestasi pada 31 Okt

Nilai Aset Bersih (NAB) dan Unit Dalam Pendedaran

	2025	2024	2023
Jumlah NAB (RM'000)	111,051	116,579	112,063
Unit Dalam Pendedaran ('000)	485,074	487,185	488,071
NAB seunit (RM)	0.2289	0.2393	0.2296
NAB seunit Tertinggi (RM)	0.2433	0.2533	0.2386
NAB seunit Terendah (RM)	0.2081	0.2287	0.2075
Nisbah Jumlah Perbelanjaan (NJP) (%)	1.67	6.22	1.79
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	0.36	1.01	0.23

NJP pada tahun kewangan semasa menurun 73% berbanding tahun kewangan sebelumnya disebabkan oleh ketiadaan belanja hapuskira pelaburan pada FVTPL dan pengurangan belanja pentadbiran.

PGP tahun kewangan semasa menurun 64% berbanding tahun kewangan sebelumnya disebabkan penurunan aktiviti belian dan jualan saham, iaitu masing-masing penurunan melebihi 100%.

Jumlah Pulangan Bagi Tahun Berakhir 31 Okt

	2025	2024	2023
Jumlah Pulangan Dalam Tahun (%)	(0.17)	4.22	11.19
Pertumbuhan Modal	(4.35)	4.22	8.82
Pengagihan Pendapatan	4.18	0.00	2.37
Pengagihan Pendapatan Seunit (sen)			
Kasar	1.00	-	0.50
Bersih	1.00	-	0.50
Tarikh pengagihan (akhir)	22 Dis 2025	-	20 Dis 2023

Kesan Pengagihan ke atas NAB bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Okt 2025

	Sen/Unit
Nilai Aset Bersih Sebelum Pengagihan Pendapatan	23.89
Tolak: Pengagihan Pendapatan 1.00 sen	1.00
Nilai Aset Bersih Selepas Pengagihan Pendapatan	22.89

	1-tahun	3-tahun	5-tahun
Purata Pulangan Tahunan (%)	(0.17)	5.08	3.86

	2025	2024	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan Tahunan untuk 5 Tahun Kewangan Terakhir (%)	(0.17)	4.22	11.19	(7.50)	11.55

Pencapaian tabung masa lalu bukan menjadi petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan

Harga-harga unit dan pulangan pelaburan boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.

Nota:

1) Kaedah Pengiraan Pulangan

- a. Jumlah Pulangan : $\text{Pertumbuhan Modal} + \text{Pulangan Pendapatan}$
 - b. $\text{Pertumbuhan Modal} : (\text{NAB seunit akhir} / \text{NAB seunit awal}) - 1$
 - c. $\text{Pendapatan} : \text{Pengagihan pendapatan seunit} / \text{NAB seunit awal}$
- * NAB seunit adalah selepas pengagihan

2) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan ialah jumlah pulangan dibahagi dengan bilangan tahun yang dikehendaki.

» LAPORAN PENGURUS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Pemegang-pemegang unit yang dihormati,

PTB Unit Trust Berhad (PUTB) selaku pengurus Amanah Saham Darul Iman (ASDI), dengan sukacitanya membentangkan Laporan Pengurus bagi tahun kewangan 2025 bermula 1 Nov 2024 sehingga 31 Okt 2025.

Tahun kewangan ini menyaksikan perubahan ketara dan di luar jangkaan berlaku ke atas ekonomi dan perdagangan dunia ekoran beberapa tindakan drastik yang dilaksanakan oleh presiden baharu Amerika Syarikat, Donald Trump. Polisi baharu yang diperkenalkan khususnya pengenaan tarif ke atas negara-negara dagangan dunia dalam rentak yang mendadak telah menggegarkan pasaran saham global dan tempatan. Tindakan tersebut telah menimbulkan kebimbangan yang serius terhadap ketidaktentuan dan risiko perdagangan dunia, mengganggu rantai bekalan global serta memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara yang bergantung kepada eksport, termasuk Malaysia.

Namun, alhamdulillah disebalik ketidaktentuan pasaran dan cabaran yang dihadapi, ASDI mampu untuk memenuhi objektif tabung bagi membuat pengagihan pendapatan kepada pemegang-pemegang unit pada tahun kewangan ini. Kadar agihan pendapatan untuk tahun kewangan ini ialah 1.00 sen seunit atau pulangan 4.18% (berasaskan harga pada awal tahun kewangan ini) berbanding tiada agihan pendapatan pada tahun kewangan lepas. Pengagihan pendapatan akan dibayar 0.5 sen seunit dalam bentuk tunai dan 0.5 sen seunit dalam bentuk bonus unit kepada semua pemegang-pemegang unit berdaftar pada 31 Okt 2025.

Bagi tempoh kewangan ini, prestasi ASDI telah mencatat jumlah pulangan negatif 0.17% iaitu gabungan pertumbuhan modal negatif 4.35% dan pengagihan pendapatan 4.18%. Prestasi ini adalah lebih rendah berbanding penanda aras tabung (FBM Shariah) yang mencatat pertumbuhan 0.30% bagi tempoh yang sama.

Justeru, untuk tahun kewangan ini, ASDI hanya mampu mencapai salah satu objektif pelaburan tabung iaitu pengagihan pendapatan. Sementara objektif untuk pertumbuhan modal yang positif adalah tidak tercapai.

PRESTASI ASDI

Ulasan Pencapaian

		31 Okt 2025	31 Okt 2024	Perubahan (RM)/Unit	Perubahan (%)
NAB ASDI sebelum agihan	(RM juta)	115.901	116.58	(0.68)	(0.58)
NAB seunit sebelum agihan	(RM)	0.2389	0.2393	0.0004	(0.17)
Agihan pendapatan	(RM juta)	4.85	0.00	4.85	100.00

NAB ASDI selepas agihan	(RM juta)	111.051	116.58	(5.53)	(4.74)
NAB seunit selepas agihan	(RM)	0.2289	0.2393	(0.01)	(4.35)
Unit dalam edaran	(juta unit)	485.074	487.185	(2.11)	(0.43)
Penanda aras:					
FBM Shariah	(mata)	12,098.11	12,062.16	35.95	0.30

Pada awal tahun kewangan ini, Nilai Aset Bersih (NAB) ASDI pada harga pasaran adalah RM116.58 juta bersamaan RM0.2393 seunit. NAB ASDI (selepas pengagihan) pada 31 Okt 2025 adalah RM111.05 juta bersamaan RM0.2289 seunit. Ini menunjukkan NAB tabung telah menurun sebanyak RM5.53 juta atau (4.74%), sementara NAB seunit juga menurun sebanyak RM0.0104 sen seunit atau (4.35%) berbanding NAB seunit pada 31 Okt 2024.

Sementara itu, jumlah pulangan berasaskan NAB seunit (termasuk pengagihan) untuk tahun kewangan 2025 ialah -0.17% iaitu penurunan NAB seunit sebanyak -4.35% dan pengagihan pendapatan sebanyak 4.18%.

NAB seunit ASDI tertinggi bagi tempoh yang dilaporkan ialah RM0.2433 seunit yang dicatat pada 03 Jan 2025. Sementara NAB seunit terendah ialah RM0.2081 seunit dicatat pada 9 Apr 2025.

Prestasi ASDI Berbanding Penanda Aras

Prestasi peratus pulangan ASDI berbanding penanda aras (FBM Shariah) untuk jangka masa lima (5) tahun dari 1 Nov 2020 hingga 31 Okt 2025 adalah sebagaimana graf berikut:-

Prestasi ASDI Berbanding Penanda Aras Dari 1 Nov 2020 hingga 31 Okt 2025



Portfolio Pelaburan

Pendedahan ekuiti dalam keseluruhan NAB ASDI pada 31 Okt 2025 adalah 75.00% berbanding 70.19% pada 31 Okt 2024.

Sektor	Pelaburan Semasa (pada nilai pasaran)			
	31 Okt 2025		31 Okt 2024	
	RM (juta)	%	RM (juta)	%
Telekomunikasi & Media	16.42	14.79	18.51	15.88
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	12.19	10.98	6.48	5.56
Barangan Industri & Perkhidmatan	10.97	9.88	11.93	10.24
Perladangan	7.47	6.73	8.75	7.50
Tenaga	7.01	6.31	7.84	6.72
Hartanah	6.21	5.59	4.33	3.71
REIT	4.57	4.12	5.76	4.94
Teknologi	4.33	3.90	4.58	3.93
Perkhidmatan Kewangan	4.00	3.60	1.56	1.34
Pembinaan	3.95	3.55	4.94	4.24
Pengangkutan & Logistik	3.11	2.80	2.50	2.15
Penjagaan Kesihatan	1.71	1.54	1.45	1.25
Utiliti	1.35	1.21	3.19	2.73
Tunai	17.76	25.00	34.75	29.81
JUMLAH	111.05	100.00	116.58	100.00

Pendapatan, Perbelanjaan dan Pendapatan Komprehensif

Pada tahun kewangan berakhir 31 Okt 2025, ASDI telah merealisasikan pendapatan sebanyak RM9.25 juta. Sejumlah RM4.70 juta adalah daripada jualan saham, RM3.54 juta adalah keuntungan dividen saham tersiarharga dan RM1.01 juta dari keuntungan pelaburan pasaran wang dan lain-lain pendapatan.

Selepas mengambil kira kerugian belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan FVTPL berjumlah RM7.43 juta, jumlah pendapatan kasar bagi tempoh yang dilaporkan adalah RM1.81 juta.

Setelah ditolak perbelanjaan mengurus dan peruntukan cukai yang kesemuanya berjumlah RM1.99 juta, jumlah kerugian komprehensif bersih selepas cukai ialah RM0.18 juta.

	31 Okt 2025 RM (juta)	31 Okt 2024 RM (juta)	Sisihan RM (juta)	Sisihan (%)
Keuntungan/(kerugian) direalisasi	7.25	(41.95)	49.20	(>100)
(Kerugian)/keuntungan belum direalisasi	(7.43)	46.69	(54.12)	(>100)
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif selepas cukai	(0.18)	4.74	(4.92)	(>100)

Pengagihan Pendapatan

Berdasarkan pendapatan direalisasikan tabung pada tahun kewangan ini, Pengurus akan membuat pengagihan bersih sebanyak 1.00 sen seunit berjumlah RM4.85 juta dalam bentuk 0.50 sen seunit tunai dan 0.50 sen seunit bonus unit kepada semua pemegang unit berdaftar pada 31 Okt 2025. Selepas pengagihan bersih 1.00 sen seunit, NAB ASDI akan berkurang kepada RM0.2289.

Semenjak dilancarkan pada tahun 1994, tabung telah mengagihkan pendapatan kasar sebanyak 24 kali, dengan jumlah keseluruhan 93.39 sen seunit. Ini bersamaan purata 3.89 sen seunit.

PRESTASI BURSA MALAYSIA

Sepanjang tempoh masa setahun yang dilaporkan, Indeks FBM Shariah telah mencatat peningkatan sebanyak 35.95 mata atau 0.30% dari paras 12,062.16 mata pada 01 Nov 2024 ke paras 12,098.11 mata pada 31 Okt 2025. Keadaan ini menunjukkan penurunan yang ketara berbanding peningkatan sebanyak 1,220.57 mata atau 11.26% yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lepas. Dalam tempoh laporan ini, Indeks FBM Shariah telah mencatat paras tertinggi harian 12,590.57 mata pada 31 Dis 2024 sementara paras terendah harian 10,102.69 mata dicatat pada 9 Apr 2025.

Pergerakan Sukuan Indeks FBM Shariah

Suku	Mula	Tinggi	Rendah	Penutup	Perubahan	+/(-) %
Pertama (Nov 24 – Jan 25)	12,062.16	12,590.57	11,694.50	11,737.14	(325.02)	(2.69)
Kedua (Feb 25 – Apr 25)	11,737.14	11,985.64	10,102.69	11,274.29	(462.85)	(4.06)
Ketiga (Mei 25 – Jul 25)	11,274.29	11,771.05	11,210.15	11,461.67	187.38	1.66
Keempat (Ogo 25 – Okt 25)	11,461.67	12,246.11	11,493.21	12,098.11	636.44	5.55
Perubahan dalam tempoh 1 Nov 2024 sehingga 31 Okt 2025					35.95	0.30

PROSPEK

Pembentangan Belanjawan 2026 pada bulan Okt 2025 yang bertemakan “Belanjawan MADANI keempat: Belanjawan Rakyat” adalah belanjawan pertama di bawah Rancangan Malaysia ke -13 (RMK13) dengan memberi tumpuan kepada 3 fokus utama iaitu menaikkan siling pertumbuhan negara, menaikkan lantai taraf hidup rakyat dan memacu pembaharuan dan tatakelola baik. Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM 2026) pula akan menjadi penjana pendapatan melalui pelancongan berjumlah RM329 bilion. Kerajaan juga komited untuk terus mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat kepada 3.50% pada tahun 2026 berbanding 3.80% pada tahun 2025. Unjuran yang lebih rendah ini memberi isyarat kepada pendekatan yang berterusan menuju konsolidasi fiskal negara.

Dalam pada itu, Malaysia mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.20% pada suku ketiga 2025 (suku pertama dan kedua 2025: 4.40%), sedikit rendah berbanding 5.30% bagi tempoh yang sama tahun lepas. Bagi tempoh tiga suku pertama 2025, ekonomi Malaysia berkembang 4.67% dan dijangka merekodkan pertumbuhan antara 4.0%-5.00% pada tahun 2025. Untuk tahun 2026, Malaysia menasaskan unjuran KDNK berkembang pada kadar antara 4.00% ke 4.50%.

Meninjau ke tahun 2026, daya tahan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya adalah dijangka positif tetapi sederhana, didorong terutamanya oleh permintaan domestik yang kukuh, walaupun berdepan dengan ketidakpastian global. Aktiviti pelaburan dijangka meningkat, dipacu oleh projek infrastruktur besar di bawah RMK13 dan perbelanjaan modal swasta yang berterusan.

Bagi pasaran Bursa Malaysia, secara keseluruhannya prospek pasaran ekuiti adalah positif tetapi berwaspada, dengan tumpuan pada sektor yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan domestik yang berdaya tahan, projek-projek pembangunan di bawah RMK13, dan insentif kerajaan seperti dalam sektor teknologi dan kemampanan (ESG). Selain itu, antara pemangkin positif bagi pasaran tempatan ialah jangkaan aliran masuk dana asing ke dalam pasaran tempatan setelah mengalami aliran keluar yang besar pada tahun 2025. Nilai Ringgit Malaysia (RM) pula diunjurkan lebih stabil dengan peningkatan harga komoditi dan kesan penurunan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) dijangka memberi faedah kepada pengukuhan RM. Keadaan pasaran turut dijangka akan lebih positif sekiranya prestasi kewangan syarikat-syarikat yang lebih baik berjaya dicapai dalam pelaporan seterusnya.

Sungguhpun begitu, pasaran masih terdedah kepada pengaruh faktor-faktor luaran seperti perubahan dasar fiskal AS, ketidakpastian ekonomi global, sengketa geopolitik/geoeкономи yang berterusan, tarif balas AS dan momentum ekonomi China yang perlahan serta potensi ketidakstabilan pasaran kewangan global. Seiring dengan risiko yang dihadapi dalam prospek ekonomi dalam dan luar negara tersebut, pasaran saham tempatan dijangka diniagakan dengan lebih waspada, berkemeruapan tinggi dan menjurus kepada pendekatan dagangan jangka pendek.

Berdasarkan jangkaan ini, Pengurus akan terus melaksanakan tindakan

perlu bagi mengadaptasi pendekatan pelaburan yang bersesuaian dengan momentum pergerakan turun-naik pasaran saham pada tahun 2026.

POLISI TABUNG

Polisi dan Strategi Pelaburan

Polisi pelaburan ialah untuk melaksanakan satu pelan tindakan pelaburan di dalam portfolio yang mengandungi kepelbagaian sekuriti ekuiti tersenarai dan tidak tersenarai dan instrumen pasaran wang berlandaskan prinsip-prinsip syariah. Ini bertujuan untuk memberikan gabungan pulangan yang optimum daripada pelaburan ekuiti, dividen syarikat, dividen daripada pasaran wang serta peningkatan nilai aset dana.

Strategi pelaburan akan berpandu kepada objektif pelaburan dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan politik serta perkembangan di dalam dan di luar negara yang mempengaruhi prestasi pasaran ekuiti, di samping melibatkan analisa risiko. Dalam membuat pemilihan saham, penelitian akan diberikan kepada prospek pertumbuhan pendapatan, kekukuhan kewangan syarikat, nilai aset bersih, pegangan tunai, pulangan dividen serta pengurusan yang berwibawa.

Secara keseluruhannya, strategi pelaburan yang dilaksanakan mensasarkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang bagi tempoh di antara 3 – 5 tahun. Pengadunan strategi pelaburan akan mengambil kira Garis Panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Polisi Berkenaan Rebat dan Komisen

Sebarang rebat atau diskaun ke atas yuran pembrokeran (sekiranya ada) akan diserahkan semula kepada tabung ASDI dan digunakan untuk mengurangkan kos pelaburan.

Dalam tempoh kewangan bawah kajian, ASDI tidak menerima sebarang komisen ringan. Pengurus hanya menikmati manfaat tidak langsung broker berupa bahan-bahan penyelidikan, majalah, makalah dan jemputan ke seminar, persidangan dan/atau mesyuarat yang dianjurkan oleh mereka. Barangan dan perkhidmatan akan hanya diterima sekiranya memberi manfaat kepada pemegang unit dan/atau tabung.

Urus Niaga Perdagangan Silang

Tiada urus niaga perdagangan silang dilaksanakan oleh Pengurus dalam tempoh kewangan bawah kajian.

Urus Niaga Pembiayaan Sekuriti

ASDI tidak terlibat dengan sebarang pinjaman sekuriti atau urus niaga pembelian semula dalam tempoh kewangan bawah kajian.

Perubahan Dibuat kepada Prospektus Tabung

Tiada perubahan dibuat kepada prospektus ASDI dalam tempoh kewangan bawah kajian.

MAKLUMAN DAN PENGHARGAAN

Pengurus menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pemegang unit kerana terus setia mengekalkan pelaburan dalam ASDI. Penghargaan turut diberikan kepada semua pihak yang terus membantu ASDI dalam apa jua bidang sekalipun.

ASDI merupakan pelaburan alternatif dalam bentuk unit amanah berteraskan syariah yang menitikberatkan pulangan yang bersih dan diharuskan oleh syarak. Pelaburan di dalam ASDI adalah terbuka kepada semua Bumiputera seluruh Malaysia selari dengan moto ASDI – Hak Kita – Nikmati Bersama. Pelaburan tambahan dalam ASDI boleh dibuat dengan jumlah pelaburan tambahan minima serendah 10 unit dan pelaburan tambahan maksima adalah tertakluk kepada baki unit yang masih boleh dilanggan.

Pengurus akan terus komited untuk meningkatkan usaha bagi memastikan objektif pelaburan ASDI dapat dicapai dan memberi pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit, insya-Allah.

Wassalam.

ASDI ~ Hak Kita Nikmati Bersama

Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun

Pengerusi

PTB Unit Trust Berhad

Bertarikh: 21 Dis 2025

» **PENYATA PENGURUS**

Kami, Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun dan Datin Dr. Norsiah binti Ahmad, dua orang daripada pengarah-pengarah PTB Unit Trust Berhad, iaitu Pengurus kepada Amanah Saham Darul Iman ("Tabung Amanah") dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan Tabung Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2025, beserta dengan nota-nota yang dibentangkan di muka surat 19 hingga 45 telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Perakaunan MFRS (Malaysian Financial Reporting Standards - "MFRS"), Piawaian Perakaunan IFRS (International Financial Reporting Standards - "IFRS") dan Garis Panduan Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, telah memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung Amanah pada 31 Oktober 2025, dan hasil dan perubahan dalam nilai aset bersih serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak PTB Unit Trust Berhad selaku Pengurus kepada Tabung Amanah, menurut resolusi pengarah-pengarah bertarikh 21 Disember 2025.

Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun

Datin Dr. Norsiah binti Ahmad

Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman

» PENYATA JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman

Kami, Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman dan Abdul Halim bin Awang @ Sulong, dua orang daripada ahli-ahli Jawatankuasa Syariah PTB Unit Trust Berhad, sebagaimana maklumat yang dibentangkan dengan ini mengesahkan bahawa:

- (a) Sepanjang pengetahuan kami, setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, PTB Unit Trust Berhad telah mengendalikan dan menguruskan Amanah Saham Darul Iman ("Tabung Amanah") dalam tahun yang terangkum oleh penyata kewangan ini yang berakhir pada 31 Oktober 2025 mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, peraturan dan keputusan yang terpakai yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SSM") berkaitan dengan hal-hal Syariah; dan
- (b) Aset-aset Tabung Amanah terdiri daripada instrumen-instrumen yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah ("MPS") SSM dan MPS Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah

Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman

Abdul Halim bin Awang @ Sulong

Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman
21 Disember 2025

» LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman (“Tabung Amanah”)

Kami, selaku Pemegang Amanah kepada Tabung Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2025 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, **PTB Unit Trust Berhad** telah melaksana dan mengurus Tabung Amanah dalam tahun kewangan selaras dengan perkara berikut:

- (1) Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut surat ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Unit Amanah;
- (2) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan surat ikatan; dan
- (3) Sebarang penjadian dan pembatalan unit dilaksanakan adalah selaras dengan surat ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung Amanah adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung Amanah.

Untuk dan bagi pihak
CIMB Islamic Trustee Berhad

Tok Puan Datin Ezreen Eliza binti Zulkiplee
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
22 Disember 2025

» LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM DARUL IMAN

Laporan atas audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Saham Darul Iman ("Tabung Amanah"), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Tabung Amanah pada 31 Oktober 2025, dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam nilai aset bersih dan penyata aliran tunai Tabung Amanah bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, nota-nota berkenaan penyata kewangan termasuk informasi polisi perakaunan yang material yang dibentangkan dimukasurat 19 hingga 45.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung Amanah pada 31 Oktober 2025, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Perakaunan MFRS (Malaysian Financial Reporting Standards - "MFRS") dan Piawaian Perakaunan IFRS (International Financial Reporting Standards - "IFRS").

Asas pendapat

Kami melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dinyatakan dengan lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab-tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada Tabung Amanah berdasarkan Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Perilaku dan Amalan Professional) di bawah Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika kami yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Pengurus bertanggungjawab ke atas maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Pengurus, Penyata Jawatankuasa Syariah, Laporan Pemegang Amanah dan Laporan Tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Tabung Amanah dan laporan juruaudit kami.



Laporan Tahunan dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Tabung Amanah tidak meliputi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan dan seterusnya.

Berkenaan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Tabung Amanah, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu ialah tidak konsisten dengan penyata kewangan Tabung Amanah atau pengetahuan yang diperoleh dalam audit atau sebaliknya, kelihatan salah nyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan berkaitan maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara mengenai maklumat lain ini, kami perlu melaporkan faktanya. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan mengenai Laporan Pengurus, Penyata Jawatankuasa Syariah dan Laporan Pemegang Amanah.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap penyata kewangan

Pengurus bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Perakaunan MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS. Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus bagi memastikan penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Tabung Amanah untuk meneruskan atas dasar usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para pengarah berhasrat untuk membubarkan Tabung Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain yang sepatutnya supaya pembentangan penyata kewangan benar dan saksama.

Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan

Matlamat kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Tabung Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukannya jaminan bahawa suatu audit yang dijalankan menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila wujud. Salah nyata boleh berlaku daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara, sekiranya secara individu atau secara agregat, ia semunasabahnya dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang diambil berdasarkan dasar penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang memenuhi piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit ini. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko-risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Tabung Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membentuk dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko-risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat daripada kesilapan, memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, tertinggalan secara sengaja, pemberian gambaran yang salah atau melangkaui kawalan dalaman;
- Mendapat persefahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan membentuk prosedur-prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Tabung Amanah;
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan-pendedahan berkaitan yang dibentangkan oleh Pengurus;

- Membuat kesimpulan atas kewajaran penggunaan usaha berterusan perakaunan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Tabung Amanah untuk diteruskan berdasarkan usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami perlu menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami dan pendedahan-pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Tabung Amanah atau, sekiranya pendedahan-pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan pada masa hadapan boleh menyebabkan Tabung Amanah berhenti diteruskan sebagai usaha berterusan; dan
- Menilai persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Tabung Amanah secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Tabung Amanah mewakili urusanniaga-urusanniaga dan peristiwa-peristiwa asas yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus berkaitan dengan, antara lain, ruang lingkup dan masa pengauditan yang dirancang selain penemuan-penemuan audit yang penting, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit kami.

Perkara lain

Laporan ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang unit Tabung Amanah, sebagai sebuah badan, mematuhi Garis Panduan Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain atas kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan-akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim
No. 03157/01/2025 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Terengganu, Terengganu
21 Disember 2025

►► PENYATA KEWANGAN

Penyata kedudukan kewangan pada 31 Oktober 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Aset			
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")	4	83,288,213	81,829,977
Terhutang daripada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham		-	585,812
Dividen belum diterima		5,415	3,337
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan belum diterima		30,950	59,957
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	5	33,107,793	36,671,094
Tunai di bank		5,350	951
Jumlah aset		<u>116,437,721</u>	<u>119,151,128</u>
Liabiliti			
Terhutang kepada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham		331,686	2,391,660
Terhutang kepada Pengurus	6	174,242	150,171
Terhutang kepada Pemegang Amanah		8,888	9,010
Peruntukan pengagihan pendapatan	18	4,850,740	-
Lain-lain pemiutang		21,500	21,500
Jumlah liabiliti		<u>5,387,056</u>	<u>2,572,341</u>
Jumlah nilai aset bersih		<u>111,050,665</u>	<u>116,578,787</u>
Nilai aset bersih untuk pengagihan kepada pemegang unit			
Modal pemegang unit	7	449,022,147	449,516,827
Kerugian terkumpul	9	<u>(337,971,482)</u>	<u>(332,938,040)</u>
Jumlah nilai aset bersih untuk pengagihan kepada pemegang unit		<u>111,050,665</u>	<u>116,578,787</u>
Bilangan unit dalam pengedaran	7	<u>485,074,000</u>	<u>487,185,000</u>
Nilai aset bersih seunit, selepas pengagihan (RM)	10	<u>0.2289</u>	<u>0.2393</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

» PENYATA KEWANGAN

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Pendapatan			
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL		3,538,719	2,477,656
Keuntungan/(kerugian) daripada jualan pelaburan pada FVTPL		4,704,291	(39,121,523)
Keuntungan daripada deposit dengan institusi			
-institusi kewangan		1,005,292	1,809,899
Lain-lain pendapatan		99	82
(Kerugian)/keuntungan belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan pada FVTPL		(7,435,815)	46,689,625
Jumlah pendapatan kasar		1,812,586	11,855,739
Perbelanjaan			
Hapus kira pelaburan pada FVTPL	14	-	(4,718,088)
Yuran pengurus	11	(1,697,536)	(1,773,065)
Yuran pemegang amanah	12	(101,852)	(106,384)
Yuran pembrokeran		(102,730)	(290,864)
Ganjaran juruaudit		(21,500)	(21,500)
Perbelanjaan pentadbiran		(71,670)	(209,353)
Jumlah perbelanjaan		(1,995,288)	(7,119,254)
(Kerugian)/keuntungan bersih sebelum cukai		(182,702)	4,736,485
Cukai	13	-	-
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan		(182,702)	4,736,485
Pengagihan pendapatan	18	4,850,740	-
Pengagihan kasar dan bersih seunit (sen)	18	1.00	-
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan terdiri daripada berikut:			
Direalisasikan		7,253,113	(41,953,140)
Belum direalisasikan		(7,435,815)	46,689,625
		(182,702)	4,736,485

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

» PENYATA KEWANGAN

Penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi
tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2025

	Nota	Modal pemegang unit RM	Kerugian terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 November 2023		449,737,606	(337,674,525)	112,063,081
Penjadian unit	7	188,298	-	188,298
Pembatalan unit	7	(409,077)	-	(409,077)
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan	9	-	4,736,485	4,736,485
Pengagihan pendapatan	18	-	-	-
Pada 31 Oktober 2024		<u>449,516,827</u>	<u>(332,938,040)</u>	<u>116,578,787</u>
Pada 1 November 2024		449,516,827	(332,938,040)	116,578,787
Penjadian unit	7	-	-	-
Pembatalan unit	7	(494,680)	-	(494,680)
Jumlah kerugian komprehensif untuk tahun kewangan	9	-	(182,702)	(182,702)
Pengagihan pendapatan	18	-	(4,850,740)	(4,850,740)
Pada 31 Oktober 2025		<u>449,022,147</u>	<u>(337,971,482)</u>	<u>111,050,665</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

» PENYATA KEWANGAN

Penyata aliran tunai
bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2025

	2025 RM	2024 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan		
Bayaran bagi pembelian sekuriti ekuiti	(45,015,736)	(114,402,381)
Bayaran ganjaran juruaudit	(21,500)	(21,500)
Bayaran belanja pentadbiran	(6,589)	(58,071)
Bayaran kepada Pemegang Amanah	(101,974)	(106,152)
Bayaran kepada Pengurus	(1,699,563)	(1,769,202)
Penerimaan daripada pelbagai pendapatan	99	81
Penerimaan daripada penjualan sekuriti ekuiti	39,193,195	125,325,514
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL	3,536,642	2,478,432
Deposit dengan institusi-institusi kewangan berlesen	-	(6,200,000)
Penerimaan keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan	1,034,299	1,764,831
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijanakan daripada pelaburan aktiviti operasi dan pelaburan	(3,081,127)	7,011,552
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan		
Bayaran bagi pembatalan unit	(477,775)	(409,077)
Bayaran pengagihan pendapatan	-	(2,440,355)
Penerimaan daripada penjadian unit	-	188,298
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(477,775)	(2,661,134)
(Pengurangan)/pertambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(3,558,902)	4,350,418
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	36,672,045	26,121,627
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	33,113,143	30,472,045
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 5)	33,107,793	36,671,094
Tunai di bank	5,350	951
	33,113,143	36,672,045
Tolak: Deposit dengan institusi-institusi kewangan tempoh matang lebih 90 hari (Nota 5)	-	(6,200,000)
	33,113,143	30,472,045

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

» NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota-nota berkenaan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2025

1. Tabung Amanah, Pengurus dan kegiatan-kegiatan utama

Amanah Saham Darul Iman (berikutnya dirujuk sebagai “Tabung Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan suatu Surat Ikatan bertarikh 24 Oktober 1994 dan beberapa Surat Ikatan Tambahan di antara Pengurus (PTB Unit Trust Berhad (“PUTB”)), Pemegang Amanah (CIMB Islamic Trustee Berhad) serta pemegang-pemegang unit.

Kegiatan utama Tabung Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang dijelaskan di bawah Fasal 1 Surat Ikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek, stok dan saham atau debentur syarikat yang tersiarharga di mana-mana Bursa Saham yang diiktiraf atau mana-mana saham syarikat tak tersiarharga yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah dengan syarat pada setiap masa, kesemua pelaburan tersebut mengikut ketetapan Syariah. Tabung Amanah ini mula beroperasi pada 31 Oktober 1994 dan akan diteruskan sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 30 Surat Ikatan.

PUTB ialah sebuah syarikat liabiliti terhad yang diperbadankan di Malaysia. Syarikat induk ialah Permodalan Terengganu Berhad (“PTB”), sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. Perbadanan induk utama ialah Menteri Besar (Incorporated) Terengganu, sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri Terengganu No. 1, 1951, Menteri Besar (Incorporation). Kegiatan utama PUTB ialah mengurus tabung unit amanah. Lokasi utama perniagaan adalah di No. 29.01 KT Business Centre, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

PTB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di mana kegiatan utamanya adalah sebagai pemegang pelaburan.

2. Informasi polisi perakaunan yang material

2.1 Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Tabung Amanah telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan MFRS (Malaysian Financial Reporting Standards - “MFRS”), Piawaian Perakaunan IFRS (International Financial Reporting Standards - “IFRS”) dan Garis Panduan Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di Malaysia.

Penyata kewangan Tabung Amanah telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan yang berkaitan.

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.2 Piawaian dan interpretasi yang telah diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Yang berikut ialah Piawaian Perakaunan MFRS dan pindaan-pindaan kepada Piawaian Perakaunan MFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”), tetapi masih belum berkuatkuasa pada tarikh penerbitan penyata kewangan Tabung Amanah. Tabung Amanah bercadang untuk menggunapakai piawaian baharu ini dan pindaan-pindaan kepada Piawaian Perakaunan MFRS, bila ianya berkuatkuasa.

Keterangan	Berkuatkuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 121 <i>Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing - Kekurangan Kebolehtukaran*</i>	1 Januari 2025
Pindaan kepada MFRS 9 <i>Instrumen Kewangan</i> dan MFRS 7 <i>Instrumen Kewangan - Pendedahan - Klasifikasi dan Pengukur Instrumen Kewangan</i>	1 Januari 2026
MFRS 18 <i>Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan</i>	1 Januari 2027
Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian Perakaunan MFRS -Jilid 11	1 Januari 2026
MFRS 19 <i>Subsidiari tanpa Akauntabiliti Awam : Pendedahan</i>	1 Januari 2027
Pindaan kepada MFRS 9 <i>Instrumen Kewangan</i> dan MFRS 7 <i>Instrumen Kewangan - Kontrak Merujuk kepada Elektrik Bergantung kepada Alam Semula Jadi</i>	1 Januari 2027
Pindaan kepada MFRS 10 <i>Penyata Kewangan Disatukan</i> dan MFRS 128 <i>Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama</i>	Ditunda

Piawaian Perakaunan MFRS dan pindaan-pindaan kepada Piawaian Perakaunan MRFS tertera diatas dijangka tidak akan mempunyai kesan ketara kepada penyata kewangan Tabung Amanah ketika aplikasi awal kecuali MFRS 18 *Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan*. Tabung Amanah kini sedang dalam proses menilai kemungkinan kesan MFRS 18, jika ada, apabila ia mula berkuatkuasa.

2.3 Anggaran perakaunan dan penilaian penting

Penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah memerlukan Pengurus membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset- aset dan liabiliti yang dilaporkan, pendedahan tentang liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh mengakibatkan keputusan yang menyebabkan

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.3 Anggaran perakaunan dan penilaian penting (sambungan)

pelarasan yang besar kepada nilai dibawa aset atau liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

Tiada andaian penting berkenaan masa depan dan lain-lain ketidakpastian sumber anggaran penting pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan yang berikutnya.

2.4 Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan tarikh perdagangan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(a) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosot nilai (kecuali instrumen yang ditetapkan pada FVTPL pada permulaan pengiktirafan):

- aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual; dan
- terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan keuntungan semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas dikelaskan sebagai aset kewangan pada FVTPL atau pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI").

Instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL atau FVOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(b) Kos dilunaskan dan kaedah kadar keuntungan berkesan

Kaedah kadar keuntungan berkesan ialah kaedah untuk mengira kos dilunaskan bagi sesuatu instrumen hutang dan bagi memperuntukan pendapatan keuntungan bagi sesuatu tempoh. Kadar keuntungan berkesan ialah kadar yang mengambil kira

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.4 Aset-aset kewangan (sambungan)

- (b) Kos dilunaskan dan kaedah kadar keuntungan berkesan (bersambung)

anggaran terimaan tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan (termasuk yuran yang dibayar atau diterima yang merupakan sebahagian dari kadar keuntungan berkesan tersebut, kos transaksi dan lain-lain premium atau diskaun) di sepanjang tempoh hayat instrumen hutang tersebut, atau, bagi jangka masa pendek, pada nilai bersih yang dibawa pada permulaan pengiktirafan.

Pendapatan diiktiraf atas asas kadar keuntungan berkesan bagi instrumen hutang yang dikira pada kos dilunaskan.

Aset pada kos dilunaskan terdiri daripada tunai di bank, deposit dengan institusi-institusi kewangan dan lain-lain penghutang.

- (c) Aset kewangan pada FVTPL

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL kecuali Tabung Amanah menetapkan pelaburan tersebut bukan untuk dijualbeli dan di permulaan pengiktirafan sebagai FVOCI.

Instrumen hutang yang tidak menepati kriteria kos dilunaskan akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati kriteria kos dilunaskan tetapi telah ditetapkan sebagai FVTPL sekiranya penetapan tersebut akan mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau pengiktirafan aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Tabung Amanah telah menetapkan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan kriteria kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditetapkan sebagai FVTPL pada permulaan ia diiktiraf, adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan pada FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira dalam untung atau rugi.

Pendapatan keuntungan atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan secara berasingan dalam untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTPL dikira dalam untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan dan dinyatakan secara berasingan dalam untung atau rugi.

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.4 Aset-aset kewangan (sambungan)

(c) Aset kewangan pada FVTPL (bersambung)

Semua sekuriti ekuiti dan amanah pelaburan hartanah Islam ("REIT") yang dimiliki oleh Tabung Amanah dikelaskan sebagai FVTPL.

(d) Aset kewangan pada FVOCI

Pada permulaan pengiktirafan, Tabung Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menetapkan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVOCI. Penetapan sebagai FVOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Tabung Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untuk jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditetapkan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Seterusnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi semasa pelupusan pelaburan tersebut.

Instrumen hutang yang mempunyai objektif untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual dan untuk penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVOCI.

Tabung Amanah tidak mempunyai aset kewangan yang ditetapkan sebagai FVOCI.

(e) Rosot nilai dalam aset kewangan

Tabung Amanah mengiktiraf peruntukan rosot nilai untuk 'Expected Credit Losses' ("ECL") bagi instrumen-instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (iaitu aset-aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). ECL adalah

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.4 Aset-aset kewangan (sambungan)

(e) Rosot nilai dalam aset kewangan (bersambung)

berdasarkan perbezaan di antara aliran tunai secara kontraktual dan aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh Tabung Amanah, didiskaunkan menggunakan anggaran kadar faedah efektif asal.

Tabung Amanah menggunakan pendekatan ringkas untuk pengiraan ECL bagi semua aset kewangan pada kos dilunaskan. Tabung Amanah tidak menjejak perubahan dalam risiko kredit tetapi mengiktiraf elauun kerugian berdasarkan ECL dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. Tabung Amanah mempertimbangkan pengalaman lampau untuk menganggar kerugian rosot nilai dijangka. Metodologi dan andaian yang digunakan disemak secara berkala.

(f) Penyahiktirafan aset kewangan

Tabung Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Tabung Amanah memindahmilik aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Tabung Amanah tidak memindahmilik dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Tabung Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Tabung Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Tabung Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan instrumen ekuiti pada FVOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata. Manakala, semasa pengiktirafan instrumen hutang pada FVOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan akan dikelaskan kembali ke untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata terkumpul dipindahkan ke untung atau rugi semasa pelupusan.

(g) Hapus kira

Aset-aset kewangan dihapuskira sama ada sebahagian atau keseluruhan hanya apabila Tabung Amanah telah berhenti dalam

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.4 Aset-aset kewangan (sambungan)

(g) Hapus kira (bersambung)

proses pemulihannya. Jika jumlah hapus kira lebih besar daripada peruntukan elaun kerugian terkumpul, perbezaannya akan direkod sebagai tambahan kepada peruntukan elaun kerugian yang kemudian akan digunapakai terhadap nilai dibawa kasar.

(h) Penentuan nilai saksama

Nilai saksama ialah harga yang patut diterima bila menjual aset atau bayaran untuk memindah liabiliti dalam suatu transaksi teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan andaian bahawa transaksi menjual aset atau memindah liabiliti dalam keadaan berikut:

- dalam pasaran utama untuk aset atau liabiliti; atau
- dalam ketiadaan pasaran utama, dalam keadaan yang pasaran yang paling berfaedah untuk aset atau liabiliti.

Nilai saksama aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakannya apabila menilai harga aset atau liabiliti, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak mengikut manfaat ekonomi yang terbaik.

Tabung Amanah menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan di mana maklumat yang mencukupi akan diperoleh untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan input relevan yang boleh diperhatikan dan meminimalkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambilkira kebolehan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset pada tahap terbaik dan tertinggi penggunaannya atau menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset tersebut pada tahap terbaik dan tertinggi penggunaannya.

Analisa nilai saksama aset kewangan dan perincian lanjut pengukuran adalah seperti dalam Nota 16.

Untuk instrumen kewangan diukur pada nilai saksama, jika tersedia harga pasaran disenaraikan dan boleh diperhatikan dalam pasaran aktif akan digunakan untuk mengukur nilai saksama. Ini termasuk sekuriti ekuiti tersenarai di Bursa Malaysia.

2.5 Liabiliti Kewangan

(a) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasi berdasarkan ciri-ciri perkiraan kontrak yang disertai dan definisi liabiliti kewangan. Tabung Amanah mengklasifikasi hutang kepada lain-lain institusi

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.5 Liabiliti Kewangan (sambungan)

(a) Liabiliti kewangan (bersambung)

kewangan dan syarikat broker saham, hutang kepada Pengurus, hutang kepada Pemegang Amanah, peruntukan pengagihan pendapatan dan hutang jangka pendek yang lain dalam kategori ini. Liabiliti kewangan diiktiraf pertama kali pada nilai saksama dan dinilai selanjutnya pada kos pelunasan.

(b) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Tabung Amanah menyahiktirafan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar dan akan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam untung atau rugi.

2.6 Modal pemegang unit

Sumbangan pemegang unit kepada Tabung Amanah menepati definisi 'puttable instrument' yang diklasifikasi sebagai instrumen ekuiti di bawah pindaan MFRS 132: *Instrumen Kewangan: Pembentangan*.

2.7 Pengagihan

Pengagihan adalah di atas budi bicara Tabung Amanah. Pengagihan kepada pemegang unit diambil kira sebagai potongan daripada rizab yang direalisasikan. Pengagihan yang dicadangkan diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh di mana ia diluluskan.

2.8 Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank, deposit jangka pendek, pelaburan kecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.9 Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan akan mengalir kepada Tabung Amanah dan pendapatan boleh diukur dengan pasti. Pendapatan dinilai pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila Tabung Amanah mendapat hak untuk menerima bayaran telah terbukti.

Keuntungan daripada jualan pelaburan diambilkira berasaskan kepada perbezaan di antara nilai bersih jualan dengan kos purata pelaburan. Nilai bersih jualan ialah nilai jualan selepas mengambil kira semua kos-kos jualan yang terlibat.

2. Informasi polisi perakaunan yang material (sambungan)

2.9 Pendapatan (sambungan)

Keuntungan daripada pelaburan di pasaran wang diiktiraf berasaskan kaedah kadar purata wajaran.

2.10 Pengiktirafan keuntungan dan kerugian direalisasi dan tidak direalisasi

Keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi terdiri daripada perubahan nilai saksama dalam aset kewangan bagi tempoh kewangan dan juga daripada pembalikan keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi dalam tempoh sebelumnya tetapi telah direalisasi (iaitu dijual, ditebus atau telah matang) dalam tempoh pelaporan tersebut.

Keuntungan dan kerugian yang direalisasi daripada pelupusan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada FVTPL dikira menggunakan kaedah purata berwajaran. Ianya mencerminkan perbezaan di antara amaun bawaan permulaan instrumen kewangan dan amaun pelupusan.

2.11 Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa dinilai pada amaun yang dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang percukaian digunakan untuk mengira jumlah cukai seperti yang termaktub atau termaktub secara sah pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai tersebut berkaitan dengan item yang diiktiraf diluar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif atau terus dalam ekuiti.

Tiada cukai tertunda diiktiraf kerana tiada perbezaan sementara yang material.

2.12 Matawang fungsian dan pembentangan

Item yang termasuk dalam penyata kewangan Tabung Amanah diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama dimana Tabung Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian dan mata wang pembentangan Tabung Amanah.

3. Objektif dan polisi untuk pengurusan risiko kewangan

Tabung Amanah terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada operasinya dan penggunaan instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko pasaran, risiko kadar keuntungan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pengelasan semula status Syariah. Objektif pengurusan risiko kewangan adalah untuk memastikan dana diuruskan pada kadar risiko yang munasabah dan seterusnya dapat memberikan peningkatan nilai kepada pemegang-pemegang unit.

3. Objektif dan polisi untuk pengurusan risiko kewangan (sambungan)

(a) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan pada instrumen kewangan yang akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah, kadar tukaran asing dan harga ekuiti. Walaubagaimanapun, Tabung Amanah tidak terdedah kepada risiko tukaran asing kerana semua pelaburannya adalah dalam matawang RM.

(i) Risiko harga ekuiti

Risiko harga ekuiti berlaku apabila nilai sekuriti turun naik akibat dipengaruhi oleh prestasi pasaran saham dan keadaan ekonomi. Risiko ini dapat dikurangkan dengan kepelbagaian portfolio pelaburan Tabung Amanah. Kedudukan harga pasaran sekuriti diawasi setiap hari dan prestasinya dilaporkan kepada Jawatankuasa Pelaburan secara bulanan.

Pertambahan/(pengurangan) nilai aset bersih pada tarikh pelaporan, sekiranya harga ekuiti dianggap berubah sebanyak +/- 5% (2024: +/- 5%) dan kesemua pembolehubah lain adalah malar, ialah berjumlah +/- RM4,164,411 (2024: RM4,091,499). Analisa ini hanyalah bertujuan untuk gambaran sahaja dan bukannya petunjuk kepada perubahan pada masa hadapan.

Pemusatan risiko harga ekuiti

Jadual berikut menganalisa pemusatan risiko harga ekuiti dalam portfolio ekuiti Tabung Amanah berdasarkan nilai saksama mengikut pembahagian industri:

	2025 %	2024 %
Telekomunikasi & Media	20.86	24.34
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	15.49	8.52
Barangan Industri & Perkhidmatan	13.93	15.69
Perladangan	9.49	11.50
Tenaga	8.91	10.30
Hartanah	7.89	5.69
Teknologi	5.50	6.03
Kewangan	5.09	2.05
Pembinaan	5.01	6.50
Pengangkutan & Logistik	3.95	3.29
Penjagaan Kesihatan	2.17	1.90
Utiliti	1.71	4.19
Jumlah pelaburan tersiar harga	100.00	100.00

3. Objektif dan polisi untuk pengurusan risiko kewangan (sambungan)

(a) Risiko pasaran (sambungan)

(ii) Risiko kadar keuntungan

Tabung Amanah tidak menghadapi risiko pergerakan kadar keuntungan yang ketara berikutan keseluruhan deposit kewangannya adalah di bank dan institusi kewangan berlesen yang beroperasi berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Deposit di institusi-institusi kewangan mempunyai purata kematangan kurang daripada 1 tahun.

Pertambahan/(pengurangan) nilai aset bersih pada tarikh pelaporan, sekiranya kadar keuntungan dianggap berubah sebanyak +/- 50 mata (2024: +/- 50 mata) asas dan kesemua pembolehubah lain adalah malar, ialah berjumlah +/- RM5,549 (2024: RM8,373). Analisa ini hanyalah bertujuan untuk gambaran sahaja dan bukannya petunjuk kepada perubahan pada masa hadapan.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada keupayaan pihak-pihak yang berurusan dengan Tabung Amanah untuk menyelesaikan komitmen kewangan kepada Tabung Amanah dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tabung Amanah tidak menghadapi risiko kredit yang ketara kerana keseluruhan operasinya adalah berasaskan tunai. Jumlah terhutang daripada syarikat pembrokeran diterima dalam tempoh dua (2) hari urusniaga. Deposit juga ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan dengan penilaian 'sound ratings'.

Tiada aset kewangan Tabung Amanah yang dianggap lewat tempoh dan merosot nilainya.

(c) Risiko kecairan

Tabung Amanah mengekalkan tahap tunai yang mencukupi bagi memastikan segala pembayaran dapat dilaksanakan.

Dalam hal ini, Tabung Amanah tidak menghadapi risiko kecairan yang ketara kerana deposit dengan institusi-institusi kewangan mudah ditukar ke tunai tanpa mempunyai risiko perubahan pada nilainya.

Sebahagian besar daripada pelbagai pemiutang adalah terdiri daripada jumlah terhutang kepada Pengurus dan Pemegang Amanah yang dijelaskan pada setiap bulan mengikut tempoh kewangan Tabung Amanah.

(d) Risiko pengelasan semula status Syariah.

Risiko ini merujuk kepada sekuriti dalam portfolio Tabung Amanah yang pada mulanya patuh Syariah berubah kepada tidak patuh Syariah. Sekiranya ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah bersesuaian

3. Objektif dan polisi untuk pengurusan risiko kewangan (sambungan)

(d) Risiko pengkelasan semula status Syariah. (sambungan)

untuk melupuskan sekuriti tersebut selaras dengan ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Jawatankuasa Syariah.

(e) Pengurusan modal

Modal Tabung Amanah terdiri daripada sumbangan oleh pemegang-pemegang unit. Jumlah modal boleh berubah dengan ketara setiap hari berikutan penebusan dan langganan unit oleh pemegang-pemegang unit. Pengurus mengendalikan modal Tabung Amanah berdasarkan objektif seperti yang dinyatakan dalam Nota 1 disamping mengekalkan tahap tunai yang mencukupi untuk pembayaran penebusan unit oleh pemegang-pemegang unit.

4. Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

	2025 RM	2024 RM
Sekuriti ekuiti		
- Aset kewangan pada FVTPL	78,715,234	76,070,983
Amanah pelaburan hartanah Islam ("REIT")		
- Aset kewangan pada FVTPL	4,572,979	5,758,994
	<u>83,288,213</u>	<u>81,829,977</u>

Pelaburan oleh Tabung Amanah direkod pada nilai saksama berdasarkan harga pasaran di pasaran aktif bagi setiap aset yang serupa. Nilai saksama dinilai berdasarkan harga tutup yang disiarkan di pasaran pada tarikh pelaporan.

Semua sekuriti ekuiti yang dimiliki oleh Tabung Amanah diklasifikasi berdasarkan kegiatan utama seperti yang diklasifikasikan oleh Bursa Malaysia pada tarikh penyata kedudukan kewangan.



Pelaburan-pelaburan pada FVTPL pada 31 Oktober 2025 adalah seperti berikut:

4.1 Pelaburan tersiar harga

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 31.10.2025 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Sekuriti ekuiti				
Barangan Pengguna & Perkhidmatan				
DRB-HICOM Bhd	1,028,000	1,578,574	1,295,280	1.17
DXN Holdings Bhd	1,446,800	780,826	752,336	0.68
Focus Point Holdings Bhd	1,373,331	785,686	707,265	0.64
Formosa Prosonic Industries Bhd	746,100	1,391,752	1,074,384	0.97
Hup Seng Industries Bhd	919,300	902,685	946,879	0.85
InNature Bhd	3,427,000	953,301	651,130	0.59
Jaycorp Bhd	1,210,200	893,846	484,080	0.44
Magni-Tech Industries Bhd	793,000	1,632,690	1,689,090	1.52
Mr D.I.Y. Group (M) Bhd	990,000	1,728,145	1,584,000	1.43
Power Root Bhd	1,974,000	3,074,273	2,526,720	2.28
Sime Darby Bhd	114,000	207,250	233,700	0.21
Zhulian Corporation Bhd	226,400	243,056	249,040	0.22
	14,248,131	14,172,084	12,193,904	11.00
Barangan Industri & Perkhidmatan				
Dufu Technology Corp. Bhd	1,232,600	2,177,176	2,711,720	2.44
PETRONAS Chemicals Group Bhd	1,757,300	10,104,787	6,853,470	6.16
Scientex Bhd	65,700	223,085	222,723	0.20
V.S. Industry Bhd	600,000	312,000	297,000	0.27
Wellcall Holdings Bhd	700,000	947,856	882,000	0.79
	4,355,600	13,764,904	10,966,913	9.86
Pembinaan				
AME Elite Consortium Bhd	1,080,700	1,630,916	1,675,085	1.51
Muhibbah Engineering (M) Bhd	3,514,600	2,860,650	1,897,884	1.71
WCT Holdings Bhd	497,500	332,240	373,125	0.34
	5,092,800	4,823,806	3,946,094	3.56
Telekomunikasi & Media				
Axiata Group Bhd	832,300	2,038,028	2,089,073	1.88
CelcomDigi Bhd	1,975,000	7,882,081	7,110,000	6.40
Maxis Bhd	803,900	2,969,420	3,054,820	2.75
TIME dotCom Bhd	873,300	4,332,454	4,165,641	3.75
	4,484,500	17,221,983	16,419,534	14.78

4. Pelaburan pada FVTPL (sambungan)

Pelaburan-pelaburan pada FVTPL pada 31 Oktober 2025 adalah seperti berikut (sambungan)

4.1 Pelaburan tersiar harga (sambungan)

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 31.10.2025 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Pengangkutan & Logistik				
MISC Bhd	256,300	1,831,209	1,996,577	1.80
Tasco Bhd	2,157,300	1,522,615	1,111,010	1.00
	2,413,600	3,353,824	3,107,587	2.80
Utiliti				
Gas Malaysia Bhd	70,200	205,600	318,708	0.29
Taliworks Corporation Bhd	1,921,600	1,492,817	1,028,056	0.93
	1,991,800	1,698,417	1,346,764	1.22
Teknologi				
CTOS Digital Bhd	1,986,100	2,355,063	1,857,003	1.67
NexG Bhd	1,421,600	564,773	540,208	0.49
Zetrix AI Bhd	2,286,000	2,027,019	1,931,670	1.74
	5,693,700	4,946,855	4,328,881	3.90
Tenaga				
Deleum Bhd	100,000	123,200	126,000	0.11
Dialog Group Bhd	553,800	969,997	1,085,448	0.98
Hibiscus Petroleum Bhd	1,880,000	4,534,727	2,688,400	2.42
Perdana Petroleum Bhd	1,500,000	295,946	240,000	0.22
Uzma Bhd	2,952,195	1,828,084	1,461,337	1.32
Wasco Bhd	1,631,800	1,676,294	1,411,507	1.27
	8,617,795	9,428,248	7,012,692	6.32
Kewangan				
Bank Islam Malaysia Bhd	519,400	1,243,464	1,142,680	1.03
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd	922,600	3,220,356	2,860,060	2.58
	1,442,000	4,463,820	4,002,740	3.61

4. Pelaburan pada FVTPL (sambungan)

Pelaburan-pelaburan pada FVTPL pada 31 Oktober 2024 adalah seperti berikut (sambungan)

4.1 Pelaburan tersiar harga (sambungan)

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 31.10.2025 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Hartanah				
Eastern & Oriental Bhd	1,601,100	1,556,111	1,280,880	1.15
Iskandar Waterfront City Bhd	1,930,000	1,294,453	579,000	0.52
Malaysian Resources Corporation Bhd	1,870,000	970,372	841,500	0.76
Naim Holdings Bhd	93,600	77,920	77,220	0.07
Tambun Indah Land Bhd	800,000	698,047	648,000	0.58
UOA Development Bhd	1,504,900	2,727,031	2,784,065	2.51
	<u>7,799,600</u>	<u>7,323,934</u>	<u>6,210,665</u>	<u>5.59</u>
Penjagaan Kesihatan				
Duopharma Biotech Bhd	519,000	665,603	648,750	0.58
Kossan Rubber Industries Bhd	609,400	877,368	725,186	0.65
Optimax Holdings Bhd	519,600	306,827	332,544	0.30
	<u>1,648,000</u>	<u>1,849,798</u>	<u>1,706,480</u>	<u>1.53</u>
Perladangan				
Innoprise Plantations Bhd	114,500	188,200	215,260	0.19
IOI Corporation Bhd	1,500,000	5,822,878	6,030,000	5.43
Kuala Lumpur Kepong Bhd	41,200	841,103	844,600	0.76
Ta Ann Holdings Bhd	45,400	166,845	190,680	0.17
TSH Resources Bhd	141,500	147,745	192,440	0.17
	<u>1,842,600</u>	<u>7,166,771</u>	<u>7,472,980</u>	<u>6.72</u>
Jumlah sekuriti ekuiti tersiar harga	<u>45,381,995</u>	<u>76,042,360</u>	<u>78,715,234</u>	<u>59.89</u>
REIT				
Al-'Aqar Healthcare REIT	1,964,800	2,554,703	2,514,944	2.26
Axis REIT	93,700	165,593	201,455	0.18
KLCC REIT	213,400	1,570,911	1,856,580	1.67
Jumlah REIT	<u>2,271,900</u>	<u>4,291,207</u>	<u>4,572,979</u>	<u>4.11</u>
Jumlah pelaburan pada FVTPL	<u>47,653,895</u>	<u>80,333,566</u>	<u>83,288,213</u>	<u>64.00</u>
Kurangan nilai pasaran berbanding kos pembelian			<u>2,954,647</u>	

5. Deposit dengan institusi-institusi kewangan

	2025 RM	2024 RM
Pelaburan dalam pasaran wang Islam:		
Tempoh matang dalam 90 hari	33,107,793	30,471,094
Tempoh matang lebih 90 hari	-	6,200,000
	<u>33,107,793</u>	<u>36,671,094</u>

Kadar keuntungan purata wajaran dan purata baki tempoh matang untuk deposit dengan institusi-institusi kewangan pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kadar keuntungan purata efektif		Purata baki tempoh matang	
	2025	2024	2025	2024
	%	%	hari	hari
Pelaburan dalam pasaran wang Islam	<u>3.10</u>	<u>3.41</u>	<u>22</u>	<u>22</u>

6. Terhutang kepada Pengurus

	2025 RM	2024 RM
Yuran Pengurus	<u>174,242</u>	<u>150,171</u>

Semua transaksi dengan pihak berkaitan telah dilaksanakan dalam urusan biasa perniagaan dan pada terma yang telah dipersetujui bersama oleh pihak berkaitan.

7. Modal pemegang unit

	2025 RM		2024 RM	
Unit dibenarkan		<u>500,000,000</u>		<u>500,000,000</u>
	2025		2024	
	Unit	RM	Unit	RM
Diterbitkan dan dibayar penuh:				
Pada awal tahun	487,185,000	449,516,827	488,071,000	449,737,606
Penjadian	-	-	815,000	188,298
Pembatalan	(2,111,000)	(494,680)	(1,701,000)	(409,077)
Pada akhir tahun	<u>485,074,000</u>	<u>449,022,147</u>	<u>487,185,000</u>	<u>449,516,827</u>

Mengikut Surat Ikatan, bilangan maksimum unit yang boleh dikeluarkan untuk pengedaran ialah 500,000,000 unit (2024: 500,000,000 unit). Pada 31 Oktober 2025, bilangan unit yang belum dikeluarkan untuk pengedaran ialah 14,926,000 unit (2024: 12,815,000 unit).

8. Pegangan unit oleh Pengurus dan pihak berkaitan

Pada akhir tahun kewangan, jumlah dan nilai unit yang dipegang oleh Pengurus dan pihak berkaitan adalah seperti berikut:

	2025		2024	
	Unit	RM	Unit	RM
Pengurus	554	127	119,286	28,545
Pengarah (kepada syarikat Pengurus)	1,361	312	1,361	326
	<u>1,915</u>	<u>439</u>	<u>120,647</u>	<u>28,871</u>

Unit-unit tersebut dipegang oleh Pengurus bagi tujuan permohonan pembelian. Pengurus berpendapat, unit-unit di atas telah diniagakan pada harga pasaran biasa.

9. Kerugian terkumpul

	Direalisasikan RM	Belum direalisasikan RM	Jumlah RM
Pada 1 November 2023	(287,203,277)	(50,471,248)	(337,674,525)
Jumlah (kerugian)/ pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	(41,953,140)	46,689,625	4,736,485
Pada 31 Oktober 2024	<u>(329,156,417)</u>	<u>(3,781,623)</u>	<u>(332,938,040)</u>
Pada 1 November 2024	(329,156,417)	(3,781,623)	(332,938,040)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan	7,253,113	(7,435,815)	(182,702)
Pengagihan pendapatan	(4,850,740)	-	(4,850,740)
Pada 31 Oktober 2025	<u>(326,754,044)</u>	<u>(11,217,438)</u>	<u>(337,971,482)</u>

10. Nilai aset bersih seunit, selepas pengagihan

Nilai aset bersih seunit telah dikira dengan membahagikan Nilai Aset Bersih Tabung Amanah yang berjumlah RM111,050,665 (2024: RM116,578,787) dengan unit dalam pengedaran pada 31 Oktober 2025 yang berjumlah 485,074,000 unit (2024: 487,185,000 unit).

11. Yuran Pengurus

Fasal 42(7) Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun berdasarkan nilai aset kasar Tabung Amanah yang diakru secara harian. Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2025 ialah 1.5% (2024: 1.5%) setahun berdasarkan nilai aset kasar Tabung Amanah yang dikira secara harian.



12. Yuran Pemegang Amanah

Fasal 42(8) Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar tidak melebihi 0.1% dan tidak kurang daripada 0.08% setahun yang diakru secara asas harian di atas nilai aset kasar Tabung Amanah. Yuran Pemegang Amanah bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 31 Oktober 2025 adalah 0.09% (2024:0.09%) setahun berdasarkan nilai aset kasar Tabung Amanah yang dikira secara harian.

13. Cukai

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 24% (2024: 24%) daripada anggaran keuntungan/(kerugian) boleh taksir bagi tahun semasa.

Caj cukai Malaysia bagi tahun kewangan semasa merupakan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan dividen dan pendapatan faedah yang tidak dikecualikan dari cukai pendapatan, selepas ditolak dengan perbelanjaan yang dibenarkan. Pendapatan faedah tertentu dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Para 35 dan 35A, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Penyesuaian manfaat cukai pendapatan bagi keuntungan/(kerugian) sebelum cukai pada kadar 24% (2024: 24%) dengan belanja cukai yang dikenakan dalam penyata untung atau rugi adalah seperti berikut:

	2025 RM	2024 RM
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai	(182,702)	4,736,485
Cukai pada Kadar 24% (2024: 24%)	(43,848)	1,136,756
Kesan cukai ke atas:		
(Keuntungan)/kerugian tidak dikenakan cukai	(2,219,616)	8,360,133
Kerugian/(keuntungan) belum direalisasikan*	1,784,596	(11,205,510)
Belanja tidak dibenarkan	66,300	1,277,925
Sekatan ke atas perbelanjaan yang boleh ditolak cukai bagi tabung unit amanah	412,568	430,696
Jumlah cukai	-	-

* Keuntungan belum direalisasikan dikecualikan dari cukai pendapatan/tidak dikira sebagai potongan yang dibenarkan.

14. Hapus kira pelaburan pada FVTPL

Hapuskira pelaburan dalam Serba Dinamik Holdings Bhd pada tahun lepas kerana saham syarikat ini dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia dan dibawah pembubaran.

15. Urus niaga dengan broker dan institusi kewangan

Perincian transaksi dengan broker dan institusi kewangan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2025 adalah seperti berikut:

Nama	Nilai urus niaga RM	Peratus atas nilai urus niaga %	Yuran broker RM	Peratus nilai yuran broker %
AmlInvestment Bank Bhd	9,548,381	11.70	22,097	11.20
RHB Investment Bank Bhd	8,843,091	10.86	22,289	11.29
Maybank Investment Bank Bhd	8,775,005	10.76	22,064	11.18
MIDF Amanah Investment Bank Bhd	8,729,552	10.70	22,081	11.18
BIMB Securities Sdn Bhd	8,706,487	10.68	21,904	11.09
Affin Hwang Investment Bank Bhd	8,656,541	10.62	21,818	11.05
Kenanga Investment Bank Bhd	8,610,360	10.56	21,675	10.98
Hong Leong Investment Bank Bhd	8,551,251	10.49	21,698	10.99
CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd	6,733,501	8.26	16,907	8.56
CIMB Securities Sdn Bhd	4,395,580	5.39	4,895	2.48
Jumlah	81,549,749	100.00	197,428	100.00

Perincian transaksi dengan broker dan institusi kewangan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2024 adalah seperti berikut:

Nama	Nilai urus niaga RM	Peratus atas nilai urus niaga %	Yuran broker RM	Peratus nilai yuran broker %
Maybank Investment Bank Bhd	27,494,734	11.58	65,406	11.06
Affin Hwang Investment Bank Bhd	26,504,284	11.17	66,297	11.21
CIMB Investment Bank Bhd	26,366,653	11.10	66,079	11.18
MIDF Amanah Investment Bank Bhd	26,264,344	11.07	65,884	11.14
RHB Investment Bank Bhd	26,221,350	11.05	65,603	11.10
Hong Leong Investment Bank Bhd	26,208,158	11.04	65,594	11.10
Kenanga Investment Bank Bhd	26,195,553	11.04	65,606	11.10
BIMB Securities Sdn Bhd	26,051,564	10.98	65,450	11.07
AmlInvestment Bank Bhd	26,046,678	10.97	65,256	11.04
Jumlah	237,353,318	100.00	591,175	100.00

15. Urus niaga dengan broker dan institusi kewangan (sambungan)

Semua syarikat pembrokeran dan institusi kewangan di atas bukanlah pihak yang berkaitan dengan Pengurus.

Tiada jumlah terhutang daripada syarikat pembrokeran dan institusi kewangan dalam tahun kewangan berakhir semasa.

16. Instrumen kewangan dan pendedahan yang berkaitan

Maklumat mengenai tahap dan jenis instrumen kewangan termasuk syarat dan keadaan yang penting dan pendedahannya ditunjukkan dalam nota masing-masing, di mana perlu.

Nilai kepada aset dan liabiliti kewangan kecuali pelaburan pada FVTPL seperti yang dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan bertarikh 31 Oktober 2025 adalah anggaran nilai saksamanya disebabkan oleh kematangan dalam jangka masa pendek.

Hierarki nilai saksama

Tabung Amanah menggunakan hierarki berikut untuk menentukan nilai saksama bagi semua instrumen kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama:

- (a) Tahap 1: Harga disebut yang disiarkan (tidak dilaras) di pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- (b) Tahap 2: Input yang berdasarkan data di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (c) Tahap 3: Input yang tidak berdasarkan data di pasaran.

Pelaburan pada FVTPL di Malaysia	Tahap 1 RM	Jumlah RM
2025	83,288,213	83,288,213
2024	81,829,977	81,829,977

17. Nisbah jumlah perbelanjaan dan pusing ganti portfolio

(a) Nisbah Jumlah Perbelanjaan

Nisbah jumlah perbelanjaan tahun kewangan berakhir semasa ialah 1.67% (2024: 6.22%).

Nisbah jumlah perbelanjaan ialah nisbah di antara jumlah perbelanjaan mengurus Tabung Amanah berbanding dengan purata nilai aset bersih Tabung Amanah untuk tahun kewangan yang dikira berpandukan asas harian.

17. Nisbah jumlah perbelanjaan dan pusing ganti portfolio (sambungan)**(b) Pusing ganti portfolio**

Pusing ganti portfolio untuk tahun kewangan berakhir semasa ialah 0.36 kali (2024: 1.01 kali).

Pusing ganti portfolio ialah purata bagi jumlah nilai belian dan nilai jualan pelaburan untuk tahun kewangan berbanding dengan purata nilai aset bersih Tabung Amanah untuk tahun kewangan yang dikira berpandukan asas harian.

18. Peruntukan pengagihan pendapatan

	2025 RM	2024 RM
Peruntukan pengagihan pendapatan	4,850,740	-

Peruntukan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Oktober 2025 sebanyak 1.00 sen (2024: tiada). Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit dalam edaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2025 RM	2024 RM
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL	3,538,719	-
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan	1,005,292	-
Keuntungan daripada jualan pelaburan pada FVTPL	2,302,017	-
	<u>6,846,028</u>	<u>-</u>
Tolak:		
Perbelanjaan	(1,995,288)	-
Cukai	-	-
	<u>(1,995,288)</u>	<u>-</u>
Jumlah pengagihan	<u>4,850,740</u>	<u>-</u>
Pengagihan kasar seunit	1.00	-
Pengagihan bersih seunit	<u>1.00</u>	<u>-</u>

Pengagihan pendapatan bagi tahun 2025 tidak mengambilkira kerugian belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan pada FVTPL bagi tahun kewangan berakhirnya yang berjumlah RM7,435,815 (2024: Tiada).

19. Informasi segmen

Analisa pendapatan daripada pelaburan Tabung Amanah berdasarkan jenis:

	Sekuriti ekuiti/ REIT RM	Pasaran wang Islam RM	Jumlah RM
2025			
Pendapatan	8,243,010	1,005,292	9,248,302
Kerugian belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan pada FVTPL	(7,435,815)	-	(7,435,815)
Jumlah pendapatan pelaburan segmen bagi tahun semasa	807,195	1,005,292	1,812,487
Pelaburan	83,288,213	33,107,793	116,396,006
Terhutang daripada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham	-	-	-
Dividen belum diterima	5,415	-	5,415
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan belum diterima	-	30,950	30,950
Jumlah aset segmen	83,293,628	33,138,743	116,432,371
2024			
Pendapatan	(36,643,867)	1,809,899	(34,833,968)
Keuntungan belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan pada FVTPL	46,689,625	-	46,689,625
Jumlah pendapatan pelaburan segmen bagi tahun semasa	10,045,758	1,809,899	11,855,657
Pelaburan	81,829,977	36,671,094	118,501,071
Terhutang daripada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham	585,812	-	585,812
Dividen belum diterima	3,337	-	3,337
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan belum diterima	-	59,957	59,957
Jumlah aset segmen	82,419,126	36,731,051	119,150,177

19. Informasi segmen (sambungan)

Perbelanjaan Tabung Amanah tidak dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada prestasi mana-mana segmen pelaburan. Penyesuaian antara pendapatan bersih segmen dilaporkan dengan pendapatan bersih selepas cukai adalah seperti berikut:

	2025 RM	2024 RM
Pendapatan pelaburan segmen dilaporkan	1,812,487	11,855,657
Lain-lain pendapatan	99	82
Tolak: Perbelanjaan	(1,995,288)	(7,119,254)
Jumlah (kerugian)/pendapatan bersih sebelum cukai	(182,702)	4,736,485
Tolak: Cukai	-	-
(Kerugian)/pendapatan bersih selepas cukai	(182,702)	4,736,485

Selain itu, aset tertentu dan keseluruhan liabiliti tidak dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada aset atau liabiliti bersih bagi segmen individu. Penyesuaian antara aset dan liabiliti segmen bersih dilaporkan dengan jumlah aset dan liabiliti Tabung Amanah adalah seperti berikut:

	2025 RM	2024 RM
Jumlah aset segmen	116,432,371	119,150,177
Tunai di bank	5,350	951
Jumlah aset Tabung Amanah	116,437,721	119,151,128
Terhutang kepada lain-lain institusi		
kewangan dan syarikat broker saham	331,686	2,391,660
Terhutang kepada Pengurus	174,242	150,171
Terhutang kepada Pemegang Amanah	8,888	9,010
Peruntukan pengagihan pendapatan	4,850,740	-
Lain-lain pemiutang	21,500	21,500
Jumlah liabiliti Tabung Amanah	5,387,056	2,572,341

Semua pelaburan Tabung Amanah telah dilakukan di Malaysia dan tidak mempunyai lokasi pelaburan lain di luar negara.

20. Kelulusan laporan kewangan untuk diterbitkan

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2025 telah diluluskan untuk diterbitkan menurut resolusi lembaga pengarah PUTB pada 21 Disember 2025.

» **MAKLUMAT KORPORAT**

PENGURUS

PTB Unit Trust Berhad - 199401024477(310155-K)

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun - Pengerusi (*bebas*)

Mohamad Azman bin Mustafa (*bebas*)

Roshidi bin Hj Ab Hamed (*bukan bebas*)

Datin Dr. Norsiah binti Ahmad (*bebas*)

Prof. Madya To' Puan Dr. Marhana binti Mohamed Anuar (*bebas*)

JAWATANKUASA PELABURAN

Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun - Pengerusi (*bebas*)

Mohamad Azman bin Mustafa (*bebas*)

Roshidi bin Hj Ab Hamed (*bukan bebas*)

JAWATANKUASA SYARIAH

Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman - Pengerusi

Abdul Halim bin Awang @ Sulong

Prof. Datin Dr. Rusni binti Hassan

JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Datin Dr. Norsiah binti Ahmad - Pengerusi (*bebas*)

Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun (*bebas*)

Mohamad Azman bin Mustafa (*bebas*)

SETIAUSAHA SYARIKAT

Saliza binti Abdul Rahman, (LS 8098)

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Roshidi bin Hj Ab Hamed

KETUA UNIT PEMATUHAN

Mohamad Azhar bin Sulaiman



PEJABAT BERDAFTAR

Wisma TI, PT3071
Chendering
21080 Kuala Terengganu

No. Tel : 09-617 7771
No. Faks : 09-617 7772

PEJABAT URUSNIAGA

29.01 KT Business Centre (KTBC)
Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu.

No. Tel : 09-622 0999
No. Faks : 09-622 9555
E-Mel : putb@ptbgroup.com.my
Laman Web : www.putbasdi.com
 : 011-1082 2099

PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad - 198801000556 (167913-M)
Level 13, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

No. Tel : 03-2261 8888
Laman Web : www.cimb.com

JURUBANK PENGURUS/TABUNG

CIMB Islamic Bank Berhad - 200401032872 (671380-H)

JURUAUDIT

Ernst & Young (PLT)
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Chartered Accountants
Tingkat 9, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

